

## Bermula 16hb Mac, Laluan Sambungan dari Tokyo ke Fukui Melalui Hokuriku Shinkansen akan Dibuka

Rantau Hokuriku terletak di barat laut pulau Honshu di Jepun dan terkenal dengan tarikan serta pemandangan yang indah sepanjang tahun. Pelancong dari Malaysia boleh menaiki penerbangan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Narita dan melanjutkan perjalanan ke Stesen Tokyo untuk menaiki kereta api laju Hokuriku Shinkansen untuk menerokai kawasan Hokuriku Shinetsu yang menawan.

Pada masa ini, perjalanan Hokuriku Shinkansen berakhir di stesen Kanazawa. Bandar [Kanazawa](#) terkenal dengan kawasan bersejarah yang dipelihara dengan baik, rumah teh tradisional, dan taman-taman yang indah seperti Kenrokuen. Bermula pada 16 Mac tahun ini, Hokuriku Shinkansen akan memanjangkan laluan perjalannya ke lebih banyak stesen di Wilayah Fukui dan membolehkan penduduk tempatan serta pelancong antarabangsa menerokai lebih banyak destinasi menarik di kawasan ini.



Kuil Asuwa dengan pokok sakura yang berbunga

[Wilayah Fukui](#), di mana terletaknya Tsuruga dan Bandar Fukui, bersedia untuk menyambut lebih banyak pelawat apabila Hokuriku Shinkansen memulakan 14 perjalanan ulang-alik dari Tokyo setiap hari. [Bandar Fukui](#) terkenal dengan Muzium Dinosaur Fukui yang diiktiraf sebagai salah satu muzium dinosaur terbesar di dunia, dengan menerima lebih daripada 900,000 pengunjung setiap tahun. Para pelancong juga menggemari bandar ini semasa musim bunga sakura kerana [Sungai Asuwa](#) berubah menjadi utopia merah jambu setiap musim bunga! Tidak jauh dari Bandar Fukui ialah [Istana Maruoka](#), salah satu dari dua belas istana di Jepun yang mempunyai bangunan bersejarah yang masih terpelihara dari zaman feudal serta mengadakan festival bunga sakura tahunan.

Selain daripada kekayaan sejarahnya, Fukui juga merupakan tempat kepada Monumen Semulajadi dan Tempat Keindahan Alam Jepun yang terkenal, iaitu [Tebing Tojinbo](#). Dari segi budaya, Kuil Asuwa dengan pokok ceri yang besar adalah satu pemandangan yang menakjubkan, dan di dalam gunung-ganang Fukui terletak sebuah kuil yang diasaskan oleh Zen Master Dogen pada tahun 1244, [Kuil Daihonzan](#), di mana lebih dari seratus sami beramal setiap hari.

FOR IMMEDIATE RELEASE



Tebing Tojinbo

Perhentian lain di laluan Hokuriku Shinkansen termasuk [Awara Onsen](#), destinasi lawatan sehari yang ideal untuk pencari onsen yang ingin merasai perairan geotermal Jepun. Sementara itu di bandar [Tsuruga](#) yang terletak di tepi laut, pelancong dapat menikmati makanan laut segar. Kuil Kehi ialah kuil utama di rantau ini, asalnya dibina pada tahun 702 dan mempunyai salah satu daripada tiga pintu *torii* kayu yang besar di Jepun.

Dari Tokyo, perhentian utama di kawasan Hokuriku termasuk Wilayah [Nagano](#), terletak di antara kawasan pergunungan Jepun yang terkenal dengan kekayaan sejarah yang kaya, keindahan alam semula jadi dan pengembalaan luar. Sementara itu, Wilayah [Toyama](#) adalah titik permulaan untuk mengembara perkampungan Gokayama Warisan Dunia dan Laluan Alpine Tateyama Kurobe.

Pemanjangan laluan shinkansen ini merupakan satu lagi langkah untuk meningkatkan ketersambungan ke pinggiran bandar di Jepun yang dapat mewujudkan peluang yang baik bagi pelancong untuk bukan sahaja menerokai kawasan metropolitan yang besar tetapi juga bandar-bandar di kawasan Hokuriku.

#### Mengenai JNTO Kuala Lumpur Office

JNTO ialah organisasi “non-profit” kerajaan Jepun, dan pejabat JNTO Kuala Lumpur terlibat dalam pelbagai aktiviti di Malaysia untuk mempromosi dan menggalakkan pengunjung dari Malaysia untuk mengutamakan Jepun sebagai destinasi dalam rancangan pelancongan mereka. Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.japan.travel/en/my/>

Untuk pertanyaan media: [info\\_kul@jnto.go.jp](mailto:info_kul@jnto.go.jp) | [my-all@vectorinc.jp](mailto:my-all@vectorinc.jp)



Japan National Tourism Organization  
(Kuala Lumpur Office)

1<sup>st</sup> Floor, Chulan Tower, 3 Jalan Conlay  
50450 Kuala Lumpur, Malaysia  
TEL: 03-2712 4770 FAX: 03-2722 7516  
URL: <https://www.japan.travel/en/my>